

# HSBC's EliteSaver SP GIO

Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan

Tingkatkan kekayaan  
sambil melindungi masa  
depan anda




**HSBC**

Opening up a world of opportunity

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Dalam perancangan masa depan anda, adalah penting untuk memastikan bahawa masa depan keluarga anda juga dilindungi dan perancangan anda untuk membina kehidupan yang lebih baik tetap terjamin walaupun sesuatu yang tidak diduga berlaku.



**HSBC's EliteSaver SP GIO** adalah pelan berkaitan pelaburan yang memberikan anda kuasa untuk membina kekayaan bagi masa depan sambil menyediakan jaringan keselamatan untuk orang yang anda sayangi. Pelan ini direka untuk memudahkan segalanya supaya anda dapat menumpukan perhatian pada kehidupan ketika pelan ini membina masa depan yang anda inginkan.

## SATU PELAN YANG BERSESUAIAN DENGAN PELBAGA TAHAP KEHIDUPAN

HSBC's EliteSaver SP GIO menggabungkan pelaburan dan insurans dalam satu pelan premium tunggal selama 20 tahun yang direka untuk memenuhi keperluan kekayaan dan perlindungan jangka masa panjang ketika anda melalui tahap-tahap kehidupan yang berbeza.



**20an**

**Mengumpulkan & meningkatkan kekayaan anda semasa bujang dan bebas tanpa kerunsingan**



**40an**

**Simpanan untuk pendidikan anak-anak dan penjagaan ibu bapa warga emas**



**60an & seterusnya**

**Persediaan bagi tahun-tahun persaraan anda & memelihara kekayaan untuk orang yang anda sayangi**

## Nikmati perlindungan dan simpanan yang disesuaikan dengan situasi kewangan anda

- Memperolehi ketenangan fikiran semasa membina kekayaan masa depan anda dengan mengetahui bahawa orang yang anda sayangi dilindungi dari segi kewangan jika perkara yang tidak diingini berlaku.
- Fleksibiliti untuk memilih jumlah Premium Tunggal pada permulaan polisi yang sepadan dengan kedudukan dan keperluan kewangan anda.
- Pendaftaran mudah tanpa memerlukan pengisytiharan kesihatan untuk pelan ini\*.

## Kawalan & fleksibiliti pelaburan

- Kawal pilihan pelaburan anda dengan fleksibiliti untuk memilih daripada pelbagai dana berkaitan pelaburan.
- Nikmati fleksibiliti untuk menukar dana, menambah nilai pelaburan anda, dan mengeluarkan nilai akaun anda ketika anda melalui pelbagai peringkat kehidupan yang berbeza serta keperluan dan matlamat kewangan yang berubah.
- Pilihan dana berkaitan pelaburan termasuk: Dana Bon Allianz Life, Dana Terurus Allianz Life, Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life, Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Ekuiti All China Allianz Life, Dana Pendapatan Oriental Allianz Life, Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life, Dana Thematica Allianz Life, Dana Pendapatan Elit Allianz Life, Dana Sains Kesihatan Dunia Allianz Life, Dana Multi-Aset Bersepadau ESG Allianz Life, Dana Pendapatan dan Pertumbuhan Allianz Life dan Dana Global Ekuiti Tanpa Sekatan Allianz Life. Dana-dana asas ini mungkin tertakluk kepada perubahan.

\*Nota: Pengumpulan maksimum sehingga jumlah keseluruhan premium yang dibayar sebanyak RM2 juta bagi setiap hayat, digabungkan bersama produk pengeluaran terjamin yang lain.

## RINGKASAN PRODUK

Pilihan Premium	<b>Premium Tunggal, minimum RM20,000 hingga maksimum RM500,000 bagi setiap hayat</b>	
Umur Kemasukan	15 hari hingga 70 tahun	
Tempoh Perlindungan	20 tahun	
Amaun Diinsuranskan	<b>Umur Kemasukan Orang Yang Diinsuranskan (hari jadi terdekat)</b>	<b>Amaun Diinsuranskan Permulaan</b>
	0 hingga 35 tahun	140% daripada premium tunggal
	36 tahun hingga 50 tahun	125% daripada premium tunggal
	51 tahun hingga 55 tahun	115% daripada premium tunggal
	56 tahun hingga 70 tahun	105% daripada premium tunggal
Manfaat Kematian	<b>Tahun Polisi 1</b> 100% daripada Jumlah Premium Tunggal yang Dibayar tambah 100% daripada premium tambahan ad-hoc, tolak 100% pengeluaran sebahagian	
	<b>Tahun Polisi 2 dan seterusnya</b> Yang lebih tinggi antara: a) Amaun Diinsuranskan Permulaan tambah 100% daripada premium tambahan ad-hoc, tolak 100% pengeluaran sebahagian; atau b) 100% nilai akaun	
Kadar Peruntukan Premium	<b>Premium Insurans</b> : 95% daripada premium <b>Premium Tambahan Ad-hoc</b> : 95% daripada jumlah premium tambahan ad-hoc	
Caj Pengurusan Dana	0.75% - 1.50% setahun	
Yuran Pertukaran Dana	Lima (5) kali secara percuma untuk setiap tahun polisi dan RM10.00 untuk sebarang pertukaran berikutnya	

## Nota Penting

- Risalah ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan maklumat yang terkandung adalah tidak komprehensif atau menyeluruh. Anda perlu merujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan Ilustrasi Jualan (SI) untuk maklumat lanjut.
- Manfaat-manfaat tertakluk kepada pengecualian, sila rujuk klausa pengecualian dalam Lembaran Pendedahan Produk dan Ilustrasi Jualan. Anda boleh merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang lengkap.
- Kami mempunyai hak untuk menyemak semula kadar, caj, yuran, serta terma dan syarat polisi. Anda akan dimaklumkan secara bertulis mengenai apa-apa pindaan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum pindaan tersebut berkuat-kuasa.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini adalah sesuai untuk anda, dan premiumnya adalah berdasarkan jumlah yang anda mampu bayar. Pembelian insurans hayat adalah komitmen jangka panjang dan adalah tidak dinasihatkan untuk menyerahkan polisi anda pada tahun-tahun awal memandangkan kos permulaan yang tinggi.
- Tempoh percubaan selama lima belas (15) hari atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, akan diberikan dari tarikh penerimaan polisi untuk anda menilai kesesuaiannya dan sekiranya anda memilih untuk mengembalikan polisi dalam tempoh tersebut, jumlah yang akan dikembalikan adalah Nilai Akaun yang dikira sebagaimana cara unit dibatalkan, berserta dengan premium yang tidak diperuntukkan dan Caj Polisi, tolak peratusan premium yang diberikan sebagai unit bonus dan sebarang perbelanjaan pemeriksaan perubahan yang ditanggung.
- Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika pemegang polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.
- Anda mungkin perlu menambah premium anda dari masa ke semasa sepanjang tempoh polisi bagi memastikan perlindungan yang berterusan sehingga tarikh matang.

**Nota: Ini adalah produk insurans yang dikaitkan kepada prestasi aset-aset asas dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**

Diunderait oleh:

**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)**

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ahli PIDM